

# Makan Malam Industri 2008

daripada pelajar UniMAP seramai 63 ahli iaitu 42 lelaki dan 21 perempuan.



**P**usat Kerjasama Industri (CIC) Universiti Malaysia Perlis telah menganjurkan Majlis Makan Malam Industri Zon I dan Zon II, pada 22 dan 25 April 2008 lalu. Majlis Makan Malam Industri Zon I atau Zon Utara bertempat di Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas Pulau Pinang. Manakala Zon II diadakan di Dewan Perdana Felda Kuala Lumpur. Majlis tersebut diserikan lagi dengan kehadiran Canselor UniMAP yang juga Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, DYTM Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Program yang diadakan bagi tahun ke-4 ini merupakan majlis tahunan untuk meraikan pihak industri yang banyak memberi kerjasama kepada UniMAP.